


SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 6 /1998
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yassin dan Membaca Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke Empat Belas akan diadakan pada hari Ahad malam Isnin, 24 Syawal 1418 bersamaan dengan 22 Februari 1998 di masjid-masjid di seluruh negara dengan penumpuan di masjid-masjid utama seperti berikut:-

- (1) Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan;
- (2) Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Bandar Seri Begawan;
- (3) Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop;
- (4) Masjid Setia Ali, Pekan Muara;
- (5) Masjid Sharif Ali, Sengkurong;
- (6) Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun;
- (7) Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong;
- (8) Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait;
- (9) Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong; dan
- (10) Masjid Pekan Seria.

2. Oleh itu adalah diharapkan supaya semua pegawai dan kakitangan Kerajaan hadir ke masjid-masjid utama tersebut di atas atau ke mana-mana jua masjid diseluruh negara bagi sama-sama meramaikan dan memberkati Sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.


(PEHIN UDANA Khatib Dato Paduka
USTAZ HAJI AWANG-BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 2110,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj: (17) JPM/O/65

Tarikh: 18 Syawal 1418
16 Februari 1998